

**Kerajaan Sabah Ambil Pendekatan Bijak Lindungi Kawasan Pesisir Pantai - Saintis Marin UMS**  
**Bernama**  
**10 Ogos, 2012**  
**Oleh Newmond Tibin**

KOTA KINABALU, 10 Ogos (Bernama) -- Kerajaan Negeri Sabah, di bawah pimpinan Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman, telah mengambil pendekatan bijak dan berwawasan untuk melindungi kawasan pesisir pantai negeri ini, kata Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo, Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Dr Saleem Mustafa.

Beliau berkata semua penduduk di Sabah ada mempunyai hubung kait dengan kawasan pantai secara tidak langsung dan banyak daripada mereka hidup dan bekerja di kawasan pesisir pantai.

"Kawasan pantai memberikan kita misalnya kemudahan rekreasi, perairan memberikan kemudahan dan sumber untuk menangkap ikan. Malahan penduduk di kawasan jauh di pedalaman juga ada hubung kait dengan kawasan pantai.

"Di Sabah, pantai bukan sahaja entiti geografi, tetapi juga ekonomi dan kebudayaan. Khazanah di kawasan pantai kita merupakan sebahagian kebudayaan tempatan dan penggunaanya secara bijak amat penting," katanya kepada Bernama di sini.

Saleem berkata melindungi kawasan pesisir pantai adalah konsisten dengan usaha untuk mengurangkan impak aktiviti di daratan untuk memastikannya pembangunan seimbang di kedua-dua kawasan.

"Sokongan daripada segi undang-undang untuk perlindungan kawasan pantai menunjukkan kerajaan mendengar suara rakyat yang termasuk saintis, aktivis alam sekitar dan rakyat biasa supaya melindungi perkhidmatan ekosistem dan nilai-nilai kebudayaan," katanya.

Oleh yang demikian, katanya keputusan kerajaan negeri Sabah untuk melarang pembangunan di kawasan sepanjang pesisir pantai Kota Kinabalu seluas 1,555 hektar dari Tanjung Aru ke Teluk Likas menerusi Rang Undang-undang Ordinan Tanah (Pindaan) 2012, yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri bulan lepas, merupakan langkah signifikan dan berani yang didorong oleh keperluan untuk melindungi perkhidmatan ekosistem marin.

"Keputusan ini patut dijadikan kerangka bagi pengurusan berasaskan kawasan yang meliputi pelbagai objektif pengurusan dan turut mengambil kira aspek ekologi dan sosial.

"Kawasan terpilih dari Tanjung Aru ke Teluk Likas bukan kawasan sembarangan. Ia kawasan amat penting yang lebih dua dekad lepas telah menyaksikan pembangunan pesat daripada segi perbandaran, perniagaan, perdagangan dan pelancongan," katanya.

Saleem berkata persekitaran marin di sepanjang kawasan pesisir pantai telah melalui aktiviti tebus guna tanah dan pembangunan pesat yang perlu dihentikan dan menjalani pemuliharaan yang "saya fikir disediakan oleh Akta (Ordinan) ini".

"Akta ini mempunyai banyak manfaat bagi persekitaran pantai. Persekitaran marin, habitat-habitat di kawasan pesisir pantai, tanah lembap dan saliran akan kemungkinan mula menerima pertimbangan serius bagi perancangan strategik dan keputusan berhubung penggunaan tanah di peringkat negeri," katanya.

Beliau berkata Ordinan itu juga akan dapat memulihara pemandangan pantai yang indah, yang merupakan aset semulajadi unik untuk menarik pelawat dan amat sinonim dengan Sabah, bukannya struktur konkrit di sepanjang pantai yang boleh ditemui di tempat lain.

"Satu lagi hasil positif daripada dasar ini ialah peningkatan minat pelabur dari luar Kota Kinabalu untuk melabur di kawasan kampung dan pedalaman. Ini akan dapat mengseimbangkan pembangunan, di samping mewujudkan peluang perniagaan dan ekonomi ke kawasan lain.

"Saya tidak fikir yang Akta ini sebagai menentang pembangunan...malahan ia menyokong pembangunan berasaskan ekologi dan pelaburan di masa depan dalam sektor pemuliharaan alam semulajadi bagi mencapai matlamat pembangunan mampan, dengan memberikan impak sosio-ekonomi positif," katanya.

Saleem berkata pindaan Ordinan itu yang terpakai bagi kawasan pesisir pantai di Kota Kinabalu merupakan inisiatif yang amat diperlukan untuk melindungi kawasan pantai dan persekitaran marin.

"Kawasan dari Tanjung Aru ke Teluk Likas kaya dengan biodiversiti marin. Ia merupakan satu-satunya kawasan marin yang dilindungi, di pantai barat Sabah terletaknya (Taman Negara Tunku Abdul Rahman).

"Di situ terdapat banyak haiwan marin...juga terdapat kawasan tadahan hujan dan tanah lembap. Ia merupakan kawasan yang menawarkan laluan penghijrahan untuk pelbagai hidupan marin yang semakin terancam.

"Kita perlu minimumkan eksploitasi dan sebaliknya melabur bagi meningkatkan daya tahan untuk membantu habitat marin dan haiwan untuk berdepan kesan perubahan iklim dan seterusnya memberi manfaat kepada masyarakat," katanya.

Saleem berkata untuk jangka panjang, Ordinan itu boleh dijadikan model untuk diguna pakai oleh negeri lain atau negara kerana ia meliputi kebanyakan ancaman terhadap kawasan pantai dan habitat marin dan juga daripada segi melindungi kemudahan-kemudahannya.

Berikutan lokasinya yang strategik, kawasan ini (Tanjung Aru-Teluk Likas) telah menjadi tumpuan bagi pemerhatian mengenai 'bathymetry', hidrodinamik pantai, kualiti air, biodiversiti dan aktiviti penangkapan ikan, katanya.

"Keputusan untuk melindungi kawasan pesisir pantai ini, sehubungan itu, juga perlu disokong oleh fakta saintifik. Komuniti saintifik dan orang awam yang sukakan pemandangan indah dan desiran ombak di tepi pantai pasti gembira dengan keputusan ini," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687203>